

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]
TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan melihat kepada penurunan harga minyak dunia dan memberi impak kepada pengurangan kos pengangkutan barangan, apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan pengimport, pengeluar, pengedar dan peniaga dapat mengurangkan kos barangan mereka kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman semua sebenarnya peningkatan kos harga barang bukan hanya berpunca daripada kenaikan harga minyak semata-mata, tetapi terdapat beberapa **faktor lain seperti ketidaktentuan cuaca, bencana alam, manipulasi orang tengah, peningkatan kos sewa beli, soal tarif, kadar upah, kadar pertukaran wang asing dan persekitaran ekonomi global yang di luar kawalan** juga telah memberi kesan terhadap permasalahan kos sara hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Selain itu, harga barangan di pasaran juga ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*).

Oleh yang demikian Kerajaan telah bertindak menubuhkan **Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup** pada tahun 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sendiri dan dianggotai 14 orang menteri untuk menangani isu-isu kos sara hidup dan harga barang ini secara bersepadu serta berterusan.

Selain dari itu Kementerian juga telah mengambil inisiatif mengadakan **sesi engagement** di antara Kementerian bersama pengilang, pembekal, pemborong, peruncit dan persatuan yang telah diadakan pada **10 Februari 2015**. Sesi *engagement* yang diadakan ini telah membuahkan hasil yang positif di mana pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju untuk menurunkan harga barangan selaras dengan kos operasinya yang telah berkurangan berikutan penurunan harga minyak di pasaran. Perjumpaan ini adalah amat penting dan sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan pihak-pihak peniaga yang terlibat

sama-sama memikul tanggungjawab membantu Kerajaan meringankan beban rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada setiap kali tiba musim perayaan pihak Kementerian akan melancarkan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** yang merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi di musim perayaan. Pada tahun ini, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilaksanakan semasa Tahun Baharu Cina baru-baru ini iaitu dari 14 hingga 25 Febuari yang lalu. Skim ini akan terus dilaksanakan untuk perayaan yang lain seperti Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas yang akan datang. Semasa skim ini berkuatkuasa, **peniaga dikehendaki menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum** yang ditentukan Kerajaan. Kegagalan berbuat demikian boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi perayaan utama negara pada masa akan datang bagi menjaga kepentingan rakyat.

Untuk makluman ahli YB pihak Kerajaan juga telah menganjurkan **“Kempen Penurunan Harga”** sejak dari tahun 2008 hingga kini. Kempen Penurunan Harga (KPH) ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian, terutamanya barang keperluan pada harga yang berpatutan. Penyertaan kempen ini adalah komitmen secara sukarela dengan peratusan penurunan harga antara **10 hingga 70 peratus**. Tempoh masa minima penurunan harga ialah selama 30 hari.

Pada 1 Mac 2015, yang lalu Kempen Penurunan Harga 2015 telah berjaya dilaksanakan secara serentak dan besar-besaran di seluruh

negara dengan penglibatan sebanyak **16 buah syarikat**. Kementerian amat menghargai komitmen syarikat-syarikat yang terlibat dalam kempen ini. Tempoh bagi kempen ini adalah antara satu (1) hingga empat (4) bulan **bermula** dari tempoh pelaksanaannya iaitu pada **1 Mac 2015**. Sebanyak **1,036 cawangan pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini** di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian dalam Kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi **82,582 produk**. Adalah menjadi harapan kerajaan kempen ini dapat meringankan bebanan rakyat terutama mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Kementerian juga menyeru agar syarikat-syarikat lain termasuk **restoran, peniaga dan pihak-pihak yang terlibat** agar dapat menawarkan harga barangan secara berpatutan dan tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan dan tidak munasabah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain dari langkah-langkah diatas tadi **Kementerian juga melaksanakan Anugerah Kedai harga Patut (AKHP)** yang bertujuan untuk mengenalpasti dan mengiktiraf premis perniagaan yang menjual harga barangan pada harga berpatutan, berdaya saing setanding dengan kualiti serta perkhidmatan yang ditawarkan. Kementerian berharap melalui pengiktirafan ini ianya akan menarik permis untuk turut serta dalam menawarkan harga patut dalam permis mereka. Ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil untuk memberi pilihan yang terbaik kepada rakyat dalam melakukan sesuatu perbelanjaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Apa pun langkah yang kita ambil tetapi ukuran keberkesanannya ialah dari aspek penguatkuasaan dan perundangan, Kementerian akan terus melaksanakan **pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh** ke atas semua barangan seperti **OPS HARGA 2014**. Sehingga **31 Disember 2014**, sebanyak **2,084,898 pemeriksaan** telah dilakukan dan **5,934 tindakan undang-undang** telah diambil ke atas peniaga yang melibatkan **rampasan bernilai RM1,213,832.14** dan **kompaun sebanyak RM323,680.00**.

Peniaga runcit juga diwajibkan meletakkan tanda harga di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak **3,862 tindakan undang-undang** telah dikenakan ke atas peniaga yang ingkar. Dengan ini, pengguna boleh membuat perbandingan harga bagi memilih barangan yang dijual pada harga yang berpatutan.

Justeru itu, melalui langkah-langkah ini, matlamat Kerajaan untuk memastikan dan menggalakkan perdagangan yang adil dapat dicapai. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa dalam mengamalkan dasar ekonomi terbuka, menangani peningkatan kos sara hidup bukan mudah namun ianya boleh dikawal pada tahap minimum jika semua bersama-sama dengan Kementerian menangani masalah ini.

NO. SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7704

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan "*biometric system*" di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan terutamanya dalam menghalang kemasukan warga Indonesia yang bakal mengancam kesejahteraan serta keselamatan rakyat Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menambahbaik Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) dengan sistem biometrik untuk dilaksanakan pengambilan biometrik terhadap semua warga asing yang memasuki negara ini melalui 95 buah pintu masuk Imigresen pada tahun 2011. Ia memastikan kawalan keluar masuk Imigresen dapat direkod dan dipantau dengan lebih ketat dengan pengambilan cap jari dan juga gambar pelawat asing. Sehubungan itu, rekod cap jari bagi setiap pelawat asing termasuk warga Indonesia melalui pintu-pintu masuk di sepanjang Sarawak-Kalimantan akan diambil oleh JIM untuk tujuan kawalan dan pemantauan.

Namun begitu, Kerajaan masih dalam usaha untuk menangani kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) terutamanya yang masuk melalui pintu masuk yang tidak sah atau lorong-lorong tikus. Selain menjalankan Operasi Bersepadu melibatkan tindakan tangkap, dakwa dan usir, Kementerian pada masa ini sedang merangka satu Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik. Antara cadangan pelan tersebut adalah mengadakan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI. Cadangan ini masih dalam peringkat perbincangan di antara agensi-agensi terlibat bersama pihak Kerajaan Negeri.